

## Jamaludin azam guna pengetahuan ekonomi di kementerian baru

KUALA LUMPUR 7 Jan;!  
— Datuk Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis berazam untuk menggunakan pengetahuan dalam bidang ekonomi dan pengalamannya selaku Menteri Kewangan II untuk memantapkan isu-isu kepenggunaan dan perdagangan dalam negeri.

Beliau yang baru dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui rombakan kecil Kabinet hari ini juga berjanji akan melakukan yang terbaik untuk memantapkan perkhidmatan kementerian itu untuk rakyat.

“Sebagai menteri di kementerian baru, saya sesungguhnya sedar banyak yang perlu saya pelajari.

“Saya akan bekerja bersungguh-sungguh bagi meneruskan tradisi kece-merlangan kementerian yang sebelum ini diterajui oleh Tan Sri Muhyiddin,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau juga mengucap-

kan terima kasih kepada semua kakitangan Kementerian Kewangan yang memberikan sokongan padu kepada beliau selama memegang jawatan Menteri Kewangan II.

“Seperti mana menteri-menteri yang lain, saya juga akan bersama-sama membantu Perdana Menteri melaksanakan semua dasar dan visi beliau,” katanya.

Bekas Menteri Pertanian yang baru dilantik sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Effendi Norwawi pula melahirkan rasa terharu dengan kepercayaan Perdana Menteri kepadanya dan menyifatkan jawatan baru itu sebagai mencabar.

Beliau berkata, berdasarkan gambaran awal yang diberikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tugas baru itu akan mengkehendaki beliau mengurus, merancang dan mentadbir sektor ekonomi mikro negara.

“Ekonomi mikro penting untuk sebuah negara dan

kerana itu saya dimaklumkan oleh Datuk Seri Abdullah supaya memberi penekanan yang lebih kepada aspek ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini

Jawatan Menteri Tugas-tugas Khas di JPM kali terakhir disandang oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, bagi tempoh antara 5 Jun 2001 hingga 31 Oktober 2003.

Sebelum itu, ia disandang oleh bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin mulai 14 Disember 1999 hingga 1 Jun 2001.

Mengulas lanjut, Effendi berkata, beliau akan berbincang dengan Abdullah bagi memperincikan tugas-tugasnya di bawah portfolio baru itu.

“Bagaimanapun Datuk Seri Abdullah meminta saya bekerjasama dengan lebih rapat dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk merancang pembangunan ekonomi mikro negara,” katanya.